

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION  
BIN ISMAIL [ KULIM ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ KULIM-BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan pakej pemulihan dan rangsangan ekonomi akibat COVID-19 terhadapimbangan dagangan, eksport negara, defisit fiskal, inflasi dan kehilangan pekerjaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 dan kawalan pergerakan telah memberi kesan kepada aktiviti ekonomi di seluruh dunia. Berdasarkan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan ekonomi dunia dijangka menguncup 4.9% dan perdagangan global dianggarkan merosot 11.9% pada tahun 2020 akibat pandemik ini.

2. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, prestasi sektor luaran Malaysia turut terjejas sejajar dengan prestasi ekonomi dan perdagangan global yang semakin perlahan dan ketidakpastian harga komoditi. Bagi tempoh enam bulan pertama 2020, lebih dagangan negara berkurang sebanyak 4.1% kepada RM64.6 bilion, berbanding tempoh yang sama pada 2019. Eksport telah menguncup 6.8% kepada RM449 bilion dan import merosot 7.2% kepada RM384.4 bilion. Perdagangan dua hala yang lebih rendah telah direkodkan bersama rakan dagang utama,

terutamanya dengan Singapura, Jepun, Taiwan, Negara Thai dan Hong Kong.

3. Indeks Harga Pengguna (IHP) pula telah mencatatkan penurunan 0.8% bagi tempoh enam bulan pertama 2020 terutamanya disebabkan oleh harga minyak mentah global yang rendah. Manakala pelaksanaan pakej rangsangan dijangka memberi kesan minimum kepada IHP. Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), IHP diunjur berkembang di antara -1.5% hingga 0.5% bagi keseluruhan tahun 2020.

4. Pada Mei 2020, kadar pengangguran telah melonjak kepada 5.3 peratus, dengan bilangan penganggur meningkat kepada 826,100 orang berbanding 3.3 peratus pada hujung 2019. Peningkatan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh penutupan operasi kebanyakan perniagaan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif penstabilan pekerjaan menerusi pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi seperti program subsidi upah, pengekalan pekerjaan dan insentif pengambilan pekerja yang bertujuan untuk meminimumkan impak COVID-19 ke atas pasaran buruh dan mengembalikan ekonomi ke tahap guna tenaga penuh.

5. Pakej-pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN dan PENJANA yang keseluruhannya bernilai RM295 bilion telah memberikan impak segera kepada golongan-golongan yang disasarkan. Sebagai contohnya, sehingga 24 Julai 2020, sebanyak RM62.8 bilion nilai moratorium pembayaran balik pinjaman telah dimanfaat oleh peminjam individu dan perniagaan sekaligus meringankan beban kewangan yang ditanggung. Selain itu, seramai 10.6 juta penerima dikalangan B40 dan M40 telah menerima Bantuan Prihatin Nasional atau BPN, melibatkan belanja sebanyak RM11.14. PRIHATIN dan PENJANA juga membela golongan pekerja di mana sebanyak RM8.01 bilion subsidi di bawah Program Subsidi Upah telah dibayar kepada 319 ribu majikan untuk mengekalkan sebanyak 2.53 juta pekerja.

6. Bagi melonjakkan semula perniagaan, sebanyak RM8.9 bilion pinjaman di bawah Kemudahan Bantuan Khas atau Special Relief Fund (SRF) telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujui terima

oleh lebih kurang 20 ribu PKS. Sebagai tambahan terutama kepada PKS mikro, sebanyak RM1.63 bilion telah dibayar kepada 545,000 PKS mikro di bawah inisiatif Geran Khas Prihatin yang merupakan bayaran tunai secara one-off bernilai RM3,000. Manakala, sebanyak RM459 juta pinjaman mudah PKS mikro melalui TEKUN dan Bank Simpanan Nasional telah disalurkan kepada seramai 32.2 ribu usahawan.

7. Kerajaan juga tidak lupa kepada golongan-golongan mudah terjejas seperti OKU, Orang Asal dan Ibu tunggal berpendapatan rendah, selain pemandu teksi, pemandu pelancong, pemandu bas sekolah dan penarik beca. Bagi golongan ini, Kerajaan telah menyediakan bantuan tunai secara one-off yang dijangka memberikan kelapangan kewangan kepada mereka.

8. Inisiatif Kerajaan dalam pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi telah melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah, kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada 2020 dijangka meningkat sekitar 5.8% hingga 6.0% daripada KDNK. Namun begitu, pakej PRIHATIN dan PENJANA keseluruhannya juga dijangka menyumbang lebih 3% kepada pertumbuhan KDNK, sekaligus mengurangkan penguncupan yang dihadapi ekoran kesan COVID-19.

9. Pada tahun 2021, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih dan berkembang sejajar dengan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia dan perdagangan global yang lebih baik, masing-masing pada 5.4% dan 8%. Dengan pemulihan ekonomi dan perdagangan dunia beserta pemulihan ekonomi domestik ini, prestasi ekonomi berkenaan dijangka akan menunjukkan penambahbaikan.

Sekian, terima kasih.